

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS ULANGTAHUN KE-10 PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 MAY 1988

MASA:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berbahagia Tun Ismail Ali,
Pengerusi Permodalan Nasional Berhad;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya berasa gembira dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di Majlis Makan Malam sempena Ulangtahun Ke-10 Permodalan Nasional Berhad. Saya berharap majlis ini akan merapatkan lagi hubungan antara semua kakitangan serta pengurusan PNB dengan pengurusan anak syarikat PNB dan lain-lain pihak yang terlibat dengan PNB. Hubungan rapat seperti ini sudah tentu akan dapat melicinkan lagi pengurusan PNB dan menolong menjayakan tugas PNB sebagai agensi yang utama bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru atau DEB.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sepertimana yang kita maklum, Yayasan Pelaburan Bumiputera telah ditubuhkan pada tahun 1978, iaitu lapan tahun selepas DEB dilancarkan. Sebabnya Yayasan Pelaburan Bumiputera dilancarkan sekian lama selepas daripada DEB adalah oleh kerana kita mendapati objektif DEB supaya penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi seimbang dengan penyertaan kaum lain sukar dicapai. Tidaklah mudah bagi satu golongan yang miskin yang tidak mempunyai tradisi perniagaan tiba-tiba menyertai bidang perniagaan yang moden dan besar yang memerlukan modal yang banyak dan kecekapan pengurusan yang setanding dengan kaum-kaum yang lebih maju.

3. Sebab itu Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan beberapa agensi untuk membantu program penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan dan menasihatkan Kerajaan-Kerajaan Negeri menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing. Agensi-agensi ini pula telah menubuhkan syarikat-syarikat dengan modal Kerajaan untuk membeli saham atau menyertai dalam bidang perniagaan dan perusahaan yang tidak mungkin disertai oleh individu bumiputera atau secara kumpulan kerana kekurangan modal, kerana tidak mampu menghadapi risiko dan kerana kurang pengalaman pengurusan.

4. Di samping itu banyak syarikat asing dikehendaki menyusun semula struktur ekuiti mereka supaya bumiputera

dapat membeli saham-saham dengan harga yang ditentukan. Pendekatan ini membuka peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab di kalangan bumiputera untuk mendapatkan keuntungan serta merta daripada penjualan saham yang mereka beli dan yang kemudian mereka jual balik kepada bukan bumiputera.

5. Strategi Kerajaan ini telah membawa separuh kejayaan sahaja. Sungguhpun banyak syarikat kepentingan bumiputera milik Kerajaan berjaya, banyak juga yang gagal. Demikian juga penjualan saham dengan harga yang rendah kepada bumiputera. Hanya sedikit sahaja daripada saham ini kekal di tangan bumiputera. Ramai daripada mereka menjual balik saham untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek. Keuntungan ini tidak digunakan sebagai modal perniagaan tetapi dihabiskan begitu sahaja. Akhirnya, peratusan ekuiti bumiputera dalam syarikat-syarikat yang telah di susun semula kembali kepada keadaan asal.

6. Memandang kepada perkembangan ini Kerajaan telah mencari strategi baru untuk menentukan penyertaan bumiputera menjadi lebih kekal. Jika syarikat milik Kerajaan yang untung dijual kepada individu atau syarikat bumiputera, hanya sebilangan kecil bumiputera akan menikmati hasilnya. Demikian juga dengan penjualan saham setelah disusun semula syarikat milik asing. Hanya beberapa orang bumiputera yang tahu akan potensi keuntungan daripada penjualan saham bumiputera ini yang akan menikmati keuntungan.

7. Untuk menentukan seberapa ramai daripada bumiputera yang berminat dapat mengecapi keuntungan syarikat Kerajaan yang berjaya dan memiliki saham daripada penyusunan semula syarikat asing, syarikat-syarikat ini serta saham-saham berkenaan hendaklah dikuasai oleh satu badan yang dimiliki oleh ramai bumiputera dan mereka ini tidak akan menjual syarikat atau saham hanya untuk memperolehi keuntungan modal atau capital gains.

8. Penubuhan Amanah Saham Nasional sebagai sebuah unit amanah terbuka atau 'open ended unit trust' di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera membolehkan semua bumiputera yang berminat, dengan hanya modal \$10/-, mendapat nikmat daripada proses pembahagian semula kekayaan ekonomi negara. Dengan itu syarikat-syarikat Kerajaan dan saham-saham syarikat asing tidak lagi dinikmati hanya oleh segelintir bumiputera yang sedar adanya peluang ini. Kempen yang dijalankan oleh ASN berjaya menarik 2.3 juta bumiputera untuk melabur dan semua mereka mendapat nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru.

9. Tuduhan bahawa hanya beberapa orang bumiputera sahaja yang mendapat nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru jelas tidak berasas. Namun demikian semua pihak harus ingat bahawa PNB ditubuhkan bukan untuk memberi kekayaan atau keuntungan percuma kepada bumiputera. Tidak ada yang percuma di dunia ini. Setiap orang yang ingin mendapat dividen mestilah melabur dan menanggung risiko pelaburan, walaupun sebanyak

\$10/-. Jika kita hendak untung yang lebih, kita perlu melabur lebih banyak dan memikul beban risiko yang lebih berat. Dasar Ekonomi Baru bukan bertujuan untuk memindah secara percuma kekayaan orang lain kepada bumiputera. DEB bertujuan memberi peluang yang lebih kepada bumiputera supaya dengan modal, usaha gigih dan pengurusan yang cekap dan jujur, mereka dapat mengambil tempat mereka yang sewajarnya dalam kegiatan ekonomi negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. PNB adalah salah satu daripada instrumen utama negara ini untuk menjayakan DEB. Melalui PNB, bumiputera sekarang mempunyai saham dalam syarikat-syarikat gergasi seperti Sime Darby, Harrison & Crossfield, Malaysian Mining Corporation yang dahulu dikenali sebagai London Tin dan berpuluh syarikat lain. Bumiputera juga berpeluang menyertai pengurusan syarikat-syarikat ini.

11. Namun demikian untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dengan lebih bermakna, yang penting bukan pemilikan saham atau gaji yang besar sebagai pengurus. Yang penting ialah pengalaman dalam pengurusan dan kecekapan sehingga syarikat-syarikat milik sendiri pun boleh bersaing dan berjaya. Saya berasa dukacita kerana terdapat syarikat-syarikat yang maju yang telah diambil-alih dan kemudian diuruskan oleh bumiputera telah mengalami prestasi yang menurun sehingga rugi dengan teruknya. Terdapat juga perbuatan dan tindak tanduk yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh bumiputera setelah mereka diberi peluang. Gejala-gejala ini menidakkan dasar yang dibentuk oleh Kerajaan untuk mengimbangkan pembangunan kaum di negara ini. Kerajaan tidak dapat bersimpati dengan mereka yang menggagalkan usaha negara ke arah peningkatan taraf hidup bumiputera dan keadilan masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. PNB yang hanya berusia 10 tahun telah menjadi agensi yang terbesar di Malaysia dan mungkin juga di dunia jika dikira pelabur seramai 2.3 juta yang melabur dengannya. Pencapaian ini boleh dibanggakan oleh sesiapa sahaja dalam dunia perniagaan. Bahawa PNB ditubuhkan dalam sebuah negara yang membangun menjadikannya lebih menarik. Bukanlah satu perkara yang mudah menubuh dan mengurus dengan jayanya sebuah syarikat gergasi seperti PNB. Jika Pengerusi, pengurusan dan anggota PNB berasa bangga dengan pencapaian PNB, memanglah mereka berhak. Kita tidak harus puji diri tetapi tidaklah salah jika kita mempunyai 'pride' dalam hati kita kerana kejayaan yang kita capai.

13. Demikianlah kecekapan yang ditunjukkan oleh pengurusan PNB sehingga pihak Kerajaan telah mengesyorkan untuk menggunakan fasiliti PNB untuk mengawasi perjalanan semua syarikat milik Kerajaan atau di mana Kerajaan mempunyai kepentingan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Sepertimana kita semua maklum Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri memiliki hampir 900 buah syarikat. Oleh kerana bilangan ini besar, adalah sukar bagi Kerajaan mengawasi perjalanan setiap syarikat tersebut. Di masa lalu Kerajaan hanya sedar akan adanya syarikat-syarikat tertentu apabila sesuatu yang tidak diingini berlaku.

15. Justeru itu Kerajaan telah meminta PNB mengkaji sistem komputer yang boleh memberi maklumat awal atau 'early warning system' berkenaan dengan prestasi setiap syarikat. Sistem maklumat awal ini telah berjaya disediakan oleh PNB dengan kerjasama Nomura Securities. Hari ini pihak Kementerian Kewangan dapat mengikuti segala perkembangan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan melalui Central Information Coordination Unit atau CICU dan dapat mengambil tindakan memulih keadaan dengan segera. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada PNB yang berjaya membekalkan kemudahan ini.

16. Sementara kita berbangga dengan kejayaan PNB, saya ingin menegaskan, bahawa kejayaan PNB, walau bagaimanapun, tidak dapat memenuhi semua objektif DEB. Ia hanya dapat membahagi-bahagikan kekayaan yang sedikit dengan lebih adil. Kaum bumiputera, sebagai individu, masih lagi tidak dapat memasuki bidang perniagaan yang besar dan bersaing dengan pihak lain. Dengan itu, kaum bumiputera mestilah berusaha dengan lebih gigih untuk menjadi pengurus yang cekap dan jujur. Kejayaan tidak akan datang bergolek. Kita tidak boleh berjaya dalam sekelip mata. Kejayaan dalam bidang perniagaan, seperti juga dalam bidang-bidang lain, memerlukan kerja keras dan kesabaran. Insya-Allah dengan hati yang tekun dan tabah, kita akan mencapai kejayaan dan menjadikan DEB satu realiti.

17. PNB akan meneruskan usahanya bagi menarik lebih ramai lagi bumiputera untuk melabur dan meningkatkan bahagian mereka dalam kekayaan negara. Di samping itu masanya sudah tiba untuk kita menyedar dan memperingatkan kaum bumiputera tentang realiti alam sekeliling kita. Untuk memperolehi kejayaan, kita bukan sahaja perlu pengetahuan dalam ilmu-ilmu tertentu tetapi juga perlu memiliki dan mengamalkan sifat-sifat yang boleh membantu kita mencapainya. Peluang, modal dan bantuan tidak dapat menjamin kejayaan selagi sifat-sifat yang penting ini tidak ada pada kita. Penekanan Kerajaan sekarang ialah kepada pembinaan peribadi yang mampu bekerja kuat dan bertekun untuk mencapai kejayaan, sedikit demi sedikit. Insya-Allah kita akan mengatasi segala halangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah PNB kerana menjemput saya ke majlis ini. Saya berharap majlis ini akan menebalkan lagi semangat dan

azam kita untuk menempa kejayaan yang lebih cemerlang lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

19. Tahniah saya kepada Permodalan Nasional Berhad sempena ulangtahun yang ke-10 penubuhannya.

Wabillahi taufik, Walhidayah Wasalamu alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.